



LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA

BOARD OF ENGINEERS MALAYSIA

TINGKAT 17, IBU PEJABAT JKR
KOMPLEKS KERJA RAYA MALAYSIA
JALAN SULTAN SALAHUDDIN
50580 KUALA LUMPUR
MALAYSIA



Certified to ISO 9001 : 2008
Cert. No. : AR 2227

YANG DIPERTUA :
Datuk Ir. Adanan bin Mohamed Hussain

PENDAFTAR :
Ir. Hizamul-din bin Ab. Rahman

SETIAUSAHA :
Ir. Ruslan bin Abdul Aziz

Ruj.Kami: BEM/GOV/10(2)-1

Tarikh: 27 Jun 2016

Senarai edaran di **LAMPIRAN A**

Tuan,

Per: Akreditasi Program Teknologi Kejuruteraan & Pendaftaran Teknologis Kejuruteraan

Dengan hormatnya dirujuk Akta 138 (Akta Pendaftaran Jurutera 1967 [Pindaan 2015]) dan Akta 679 (Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007) berhubung perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan Akta 138 (Akta Pendaftaran Jurutera 1967 [Pindaan 2015]) telah berkuatkuasa pada 31 Julai 2015 (no. gezet P.U.(A)173/2015 bertarikh 30 Julai 2015). Di bawah seksyen 7(2)(aa) Akta 138, seseorang yang berkelayakan Teknologi Kejuruteraan dan ingin memberi perkhidmatan dalam bidang kejuruteraan adalah **wajib berdaftar** sebagai Teknologis Kejuruteraan -

Restriction on unregistered persons -

"7(2)(aa) *an Engineering Technologist who is registered with the Board may, subject to section 8, take up employment which requires him to perform professional engineering services;*"

3. Hanya orang-orang berkelayakan Teknologi Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) layak berdaftar sebagai Teknologis Kejuruteraan di bawah seksyen 10C (1) Akta Pendaftaran Jurutera 1967 (Pindaan 2015) -

Registration of Engineering Technologist -

"10C(1) *A person who holds any qualification which is recognized by the Board shall be entitled on application to be registered as an Engineering Technologist.*"

4. Di bawah seksyen 4(1)(ef) Akta 138 selaras dengan seksyen 3(1) Akta 679 (Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007), LJM mempunyai kuasa untuk mengakreditasi dan memperakukan kelayakan program kejuruteraan termasuk Teknologi Kejuruteraan. Seksyen 4(1)(ef) Akta 138 menyatakan -

Function of the Board -

"4(1)(ef) *to appoint a body consisting of members from the Board, Professional Engineers and other persons as may be determined by the Board to advise the Government and the public on matters relating to engineering education, including the certification of such programmes;*"

5. Seksyen 3(1) Akta 679 (Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007) menerangkan ketidakpakaian Akta 679 ke atas akta sedia ada seperti Akta 138 yang telah memperuntukan kuasa akreditasi. Seksyen 3(1) Akta 679 menjelaskan -

Prevailing law -

"3(1) *The provision of this Act shall be in addition to, and not in derogation of, the provisions of any other written law relating to accreditation of programmes or qualifications.*"

6 LJM sebagai badan profesional yang bertanggungjawab mengakreditasi kelayakan profesional termasuk kelayakan Teknologi Kejuruteraan telah menubuhkan "Majlis Akreditasi Teknologi Kejuruteraan (Engineering Technology Accreditation Council [ETAC])" yang keanggotaan dan fungsinya selaras dengan seksyen 51(1) Akta 679 -

Joint Technical Committee -

"51(1) *A Joint Technical Committee consisting of representatives of the relevant professional body, an officer of the Agency and such other persons as may be deemed necessary by the relevant professional body shall be established by the relevant professional body for the purpose of -*

- (a) *considering an application for accreditation under subsection 50(1);*
- (b) *making recommendations to grant or refuse the application for accreditation under subsection 52(1);*
- (c) *making recommendations for imposing conditions under section 54;*
- (d) *entering and conducting an institutional audit under subsection 52(3); and*
- (e) *making recommendations for the revocation of accreditation under section 55."*

7. Atas sebab di atas, adalah diminta agar Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta yang menjalankan program Teknologi Kejuruteraan supaya memohon akreditasi kelayakan tersebut dengan LJM melalui ETAC bagi membolehkan graduannya berdaftar di LJM sebagai Teknologis Kejuruteraan dan boleh memberi perkhidmatan kejuruteraan secara sah di negara ini.

8. Adalah juga dimaklumkan "Manual Akreditasi Teknologi Kejuruteraan" dan "Manual Akreditasi Juruteknik Kejuruteraan" boleh didapati di laman sesawang Lembaga Jurutera Malaysia.

9. Sehubungan dengan ini, **berkuatkuasa mulai 1 Januari 2017**, LJM hanya akan mendaftar Teknologis Kejuruteraan yang bergraduasi dari program Teknologi Kejuruteraan yang telah diakreditasi oleh LJM melalui ETAC.

10. Walau bagaimana pun, graduan Teknologi Kejuruteraan yang bergraduasi dari program Teknologi Kejuruteraan yang diakreditasi oleh MQA sebelum tarikh 1 Januari 2017 masih diterima untuk berdaftar dengan LJM. Walau pun akreditasi program Teknologi Kejuruteraan yang diberi oleh MQA dengan tiada had masa, LJM mengiktiraf akreditasi tersebut hanya bagi tempoh enam (6) tahun dari tarikh program tersebut diakreditasi.

Sekian dimaklumkan.

Yang benar,



(DATUK Ir. ADANAN BIN MOHAMED HUSSAIN)
Yang Dipertua
LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA

LAMPIRAN A

Senarai edaran Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan –

1. **YBHG. DATO' SERI Ir. DR. ZAINI BIN UJANG**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P 5/6, Presint 5
62200 Putrajaya.
2. **YBHG. DATO' SRI ADENAN BIN AB RAHMAN**
Ketua Setiausaha
Kementerian Sumber Manusia
Block D3 & D4, Komplek D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62662 Putrajaya.
3. **YBHG. TAN SRI DR. NOORUL AINUL MOHD NUR**
Ketua Setiausaha
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Aras 1 – 7, Blok C4 & C5, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62662 Putrajaya.
4. **YBHG. DATO' PROF. DR. RUJHAN BIN MUSTAFA**
Ketua Pegawai Eksekutif
Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)
Tingkat 13B, Menara PKNS-PJ
No. 17, Jalan Yong Shook Lin
46050 Petaling Jaya.
5. **YBHG. TAN SRI MOHAMED ZABIDI BIN ZAINAL**
Ketua Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Awam
Block C1-C3, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 Putrajaya.
6. **YBHG. DATUK PROF DR. ASMA BINTI ISMAIL**
Ketua Pengarah
Jabatan Pengajian Tinggi
Aras 9, No. 2, Menara 2
Jalan P 5/6, Presint 5
62200 Putrajaya.
7. **YBHG. DATO' CHIN PHAIK YOONG**
Ketua Pengarah
Jabatan Tenaga Manusia
Kementerian Sumber Manusia
Aras 6, Blok D4, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62530 Putrajaya.
8. **YBHG. DATO' Ir. MOHTAR BIN MUSRI**
Ketua Pengarah
Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Malaysia (DOSH)
Kementerian Sumber Manusia
Aras 4, Blok D3, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62530 Putrajaya.

9. **TUAN HJ. MOHAMED ROSELI BIN DOL**
Pengarah
Bahagian Pendidikan Tinggi
Tingkat 12, Ibu Pejabat MARA
21, Jalan MARA
50609 Kuala Lumpur.

10. **YBHG. DATUK HJ MOHLIS BIN JAAFAR**
Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik
Aras 5, Galeria PJH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Persint 4
62100 Putrajaya.

11. **YBHG. DATO' AMIR BIN MD NOOR**
Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti
Aras 7, Galeria PJH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Persint 4
62100 Putrajaya.